

26/02/1999

PM ajak rakyat kekalkan hubungan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat berbilang kaum mengekalkan kerjasama dan kestabilan politik untuk menghadapi pelbagai cabaran dan tekanan pihak asing.

Perdana Menteri berkata, perpaduan yang wujud selama ini membolehkan negara menghadapi serangan pedagang mata wang dan pihak yang cuba menggugat kestabilan negara.

"Kalau tidak ada perpaduan di kalangan rakyat sudah tentu negara kita tidak stabil dan tidak boleh mengatasi masalah. Walaupun kita derita ditekan tetapi negara terus stabil dan kita berpeluang membaiki kedudukan ekonomi kita.

"Kita juga boleh menghadapi sebarang cabaran jika kekal bersatu dan menghadapi pihak yang cuba menjejaskan kestabilan negara," katanya pada majlis jamuan sempena jubli emas MCA di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini, malam ini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri yang mengimbuai sejarah kerjasama sama Umno-MCA, mengucapkan terima kasih kepada kaum Cina yang cekap dalam perniagaan sehingga negara berjaya mengatasi tekanan pihak asing.

"Mereka (kaum Cina) tidak terhalang daripada menjalankan perniagaan. Apabila kerajaan stabil, pengusaha Cina berjaya memulih perniagaan dan perusahaan. Oleh itu, kita ada harapan baik untuk memulihkan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kaum Cina juga sedia bekerjasama dan berkongsi kekayaan dengan Bumiputera termasuk menyokong pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sehingga negara berjaya menyusun semula ekonomi.

Perdana Menteri berkata, hubungan Umno dan MCA pada peringkat awal tidak begitu baik tetapi pemimpin kedua-dua parti berfikiran waras sehingga berjaya membawa penubuhan Perikatan dan kemudiannya disertai MIC.

"Perikatan kemudiannya berkembang dan menerima parti dari Sabah dan Sarawak melalui penubuhan Barisan Nasional.

"Sejarah politik dan parti di Malaysia adalah unik dan luar biasa kerana di negara lain, sukar parti yang bermusuh bergabung mendirikan parti campuran," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat juga harus bersyukur kerana penduduk berbilang kaum di negara ini tidak bermusuhan secara berkekalan.

"Apa yang unik, kita yang terdiri daripada berbilang kaum dapat bekerjasama sehingga negara kita menjadi stabil. Apabila stabil, kita dapat bangunkan Malaysia sehingga negara menjadi negara membangun termaju di dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin dengan pengakuan MCA untuk terus bekerjasama dengan Umno dan parti komponen BN.

"Itu adalah pengakuan yang ikhlas. Saya yakin MCA akan terus bekerjasama dengan parti komponen untuk mengekalkan kuasa BN.

"Kita yakin apabila MCA menyambut ulang tahun ke-100 50 tahun lagi, ia akan turut disertai parti komponen BN," katanya.

(END)